

Laporan Juruaudit kepada Ahli Affin Bank Berhad

(Dahulu dikenali sebagai Perwira Affin Bank Berhad) No. Syarikat : 25046-T (Diperbadankan di Malaysia)

Kami telah mengaudit penyata-penyata kewangan yang dibentangkan dari mukasurat 86 hingga 121. Penyata-penyata kewangan tersebut adalah tanggungjawab para pengarah Bank. Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat tentang penyata-penyata kewangan tersebut berdasarkan audit kami.

Kami telah menjalankan audit kami mengikut piawaian-piawaian audit yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit tersebut untuk memperolehi kewajaran munasabah bahawa penyata-penyata kewangan tersebut bebas daripada kesilapan kenyataan yang ketara. Sebuah audit merangkumi pemeriksaan, dengan asas ujian, bukti yang menyokong jumlah dan penyataan dalam penyata-penyata kewangan. Sebuah audit juga merangkumi penilaian prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting para pengarah, serta penilaian pembentangan penyata kewangan pada keseluruhannya. Kami percaya bahawa audit kami telah memberi asas munasabah untuk rumusan pendapat kami.

Pada pendapat kami:

(a) penyata-penyata kewangan berkenaan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2000 dan keputusan serta penyata aliran tunai Kumpulan dan Bank bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diterimapakai di Malaysia, Garis Panduan Bank Negara Malaysia dan mematuhi peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965;

dan

(b) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta tersebut untuk disimpan oleh Bank dan syarikat-syarikat subsidiarinya yang mana kami selaku juruaudit, telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

Kami berpuashati bahawa penyata-penyata kewangan bagi kesemua syarikat-syarikat subsidiarinya yang telah disatukan dengan penyata kewangan Bank adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar untuk tujuan penyediaan penyata-penyata kewangan yang disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penerangan yang memuaskan seperti mana yang dikehendaki oleh kami untuk tujuan tersebut.

Laporan juruaudit kami ke atas penyata-penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari, tidak tertakluk kepada sebarang syarat dan tidak mengandungi sebarang teguran mengikut seksyen kecil (3) Seksyen 174 di bawah Akta tersebut.

PricewaterhouseCoopers
[AF:1146]
Akautan Awam

Dato' Ahmad Johan bin Mohammad Raslan
[1867/9/02 (J)]
Rakan Firma

Kuala Lumpur
5 April 2001